

19 APR 2001

MAHATHIR-MATAWANG

ASIA TIDAK AKAN DAPAT FAEDAH JIKA IMF KAWALSELIA MATAWANG ASIA

GENTING HINGLANDS, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi pendirian Malaysia bahawa negara-negara Asia tidak akan mendapat faedah jika Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengawal selia program pertukaran matawang yang dicadangkan bagi ekonomi serantau.

"Mungkin kalau majoriti (negara Asia) berkeras hendak melibatkan IMF, maka kita tidak ada pilihan tetapi yang kita kata ini adalah tidak baik bagi matawang Asia kalau ia dikawalselia oleh IMF," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Perdana Pendidikan Nasional 2001 di Institut Aminudin Baki, di sini, hari ini.

"Sedangkan kita tahu IMF tidak pun mendatangkan kebaikan dengan cara-cara dan pendekatannya," kata Dr Mahathir ketika ditanya ada sesetengah negara yang mahukan program pertukaran matawang Asia yang dicadangkan dikawalselia oleh IMF.

Gagasan pertukaran matawang itu dicetuskan bagi menyediakan jaring keselamatan dalam menghadapi krisis kewangan akan datang, setelah ekonomi-ekonomi serantau yang terjejas teruk oleh kemelesetan 1997-98 menghadapi masalah kekurangan mudah tunai bagi merangsang ekonomi mereka yang meleset.

Rancangan pertukaran matawang berjumlah AS\$2.5 bilion (AS\$1=RM3.80) yang dirintis oleh Jepun itu, yang juga dikenali sebagai Inisiatif Chiangmai kerana mengambil sempena nama bandar raya Thailand di mana ilham itu tercetus, bertujuan merangkaikan rizab antarabangsa kesemua 10 negara anggota melalui pakatan dua hala dengan kuasa serantau -- China dan Jepun, serta Korea Selatan.

Di bawah persetujuan pertukaran matawang itu, kesemua 13 negara akan membantu satu sama lain dalam menyediakan pembiayaan sementara bagi negara-negara anggota yang menghadapi masalah imbalan pembayaran, dan memberikan respons segera terhadap kejatuhan satu-satu matawang.

Menteri-menteri Kewangan ASEAN pada mesyuarat kelimanya di Kuala Lumpur pada 7 April lepas bersetuju bahawa pakatan dua hala yang merupakan sebahagian daripada program pertukaran matawang adalah pelengkap kepada kemudahan-kemudahan IMF.

Menteri-menteri itu berkata dalam satu kenyataan bersama selepas mesyuarat tersebut bahawa syarat-syarat dan modaliti BSA harus mengambil kira asas ekonomi yang berbeza, keadaan tertentu dan keperluan pembiayaan negara individu agar kemudahan itu memberi manfaat kepada negara Asean secara individu.

Menyentuh mengenai Tabung Kewangan Asia (AMF) yang dicadangkan, Dr Mahathir berkata bahawa Malaysia bersetuju dengan penubuhan AMF tetapi berpendapat ianya tidak perlu dirujuk kepada IMF.

"Kita bersetuju dengan AMF tetapi apa perlunya merujuk kepada IMF. Tetapi kalau semua orang berpendapat penting dirujuk kepada IMF, oleh kerana kita ini satu suara tidak dapatlah kita hendak mengatasi, tetapi itulah pendirian kita," tegas Dr Mahathir.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak akan menyerah dengan begitu mudah."

Ditanya mengenai pelantikan bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman sebagai penasihat khas ekonomi, Dr Mahathir berkata: " Saya perlu kepada penasihat ini untuk nasihat saya apa yang perlu dibuat."

"Dalam pada itu, saya masih juga perlu membuat keputusan saya sendiri

bukan keputusan penasihat. Kalau dia beri nasihat, sama ada saya terima atau tidak, itu tanggungjawab saya."

Perdana Menteri berkata beliau perlukan kepada penjelasan yang mudah difahami dalam jangka masa yang singkat.

Dr Mahathir berkata banyak perkara yang beliau terima memerlukan membuat keputusan akhir sedangkan untuk berbuat demikian, sesuatu perkara itu perlu dikaji secara mendalam.

"Jadi kalau saya tidak mengkaji, saya mungkin membuat keputusan yang tidak baik," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata beliau terpaksa berjumpa banyak pihak yang menghadapi masalah dan sesetengahnya sama ada tidak ada masa untuk menyelesaikannya atau tidak memahami masalah mereka.

"Sebab itu saya serahkan kepada dua orang penasihat. Merekalah yang akan cuba menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi," kata beliau.

Dr Mahathir lalu memberi contoh "kadang-kadang bank tidak bagi hutang. Takkan saya hendak pergi jumpa dengan bank tolonglah bagi hutang."

Seorang lagi penasihat ekonomi Perdana Menteri ialah Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, yang dilantik pada bulan Mei tahun lepas.--BERNAMA

MK MFJ MKO ZK